

CNS3085

U GB 05-06 00145 BA496

aab

Agong - Keputeraan

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah hari ini memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pandangan jauh beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Titah Seri Paduka, matlamat itu merupakan sesuatu yang praktikal dan mampu dicapai oleh negara.

+Jika rakyat sanggup berusaha dengan lebih gigih dan berdisiplin serta bersedia menghadapi cabaran-cabaran, tidak ada sebab wawasan 2020 itu tidak boleh dicapai,+ titah Seri Paduka pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena sambutan Hari Keputeraannya di Istana Negara di sini.

Bagi memastikan matlamat itu tercapai, semua pihak perlu memberikan sokongan dan kerjasama kepada kerajaan, titah Seri Paduka.

Bagaimanapun, menurut Baginda, dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan negara daripada segi fizikal dan material, langkah-langkah perlu diambil bagi mengukuhkan lagi pembangunan rohaniah. -- Lagi

♥05/06/14-27MST

CNS3086

U GB 05-06 00166 BA497

aab

Agong - Keputeraan 2 Kuala Lumpur

Dengan itu, usaha-usaha untuk menanam nilai-nilai belas kasihan serta saling bantu membantu perlu dipupuk sebagai salah satu langkah mewujudkan sebuah masyarakat ikram.

+Tidak ada gunanya kita mencapai kemajuan yang tinggi jika masyarakat kita tidak bersikap penyayang,+ titah Seri Paduka, sambil menambah bahawa perbuatan menyiksa kanak-kanak dan wanita berlaku kerana perasaan kasih sayang diketepikan.

Yang di-Pertuan Agong bangga kerana kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan masyarakat penyayang bagi memastikan negara terus berkembang dan berjaya serta membolehkan rakyat hidup dengan penuh makna.

Di samping itu, Seri Paduka juga mengulangi pentingnya dikekalkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat majmuk di negara ini sebagai kunci menjadikan Malaysia sebuah negara lebih aman, maju dan makmur.

+Beta berharap dalam usaha kita memelihara perpaduan dan persefahaman ini, kita tidak akan menimbulkan isu-isu atau membuat sesuatu tindakan yang akan mengancam perpaduan dan persefahaman yang telah kita bina dan pupuk selama ini,+ titah Baginda -- Lagi

♥05/06/14-31MST

CNS3087

U GB 05-06 00140 BA498

aab

Agong - Keputeraan 3 Kuala Lumpur

Yang di-Pertuan Agong juga berbangga kerana negara ini terus memainkan peranan cergas di peringkat antarabangsa dan sebagai contoh menyebut cadangan Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), yang disambut baik oleh negara-negara lain.

Selain daripada itu, peluang yang diberikan kepada Malaysia bagi menjadi tuan rumah Persidangan Menteri-menteri Kewangan Komanwel tahun ini menunjukkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan dan kemampuan negara menganjurkan aktiviti antarabangsa.

Seri Paduka juga mengingatkan semua pihak supaya berusaha bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti negara supaya masa depan negara terjamin dan ekonominya boleh mencapai pertumbuhan seperti yang diharap-harapkan.

Di samping itu, kesungguhan sektor awam meningkatkan keupayaan jentera pentadbiran dan penyertaan sektor swasta memainkan peranan sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi utama juga turut mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong. -- Bernama

♥05/06/14-38MST